



We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites during this period. Thank you for your understanding.

Silat turut selami arus sains

BERITA HARIAN, 9 October 2005, Page 20

Article also available on Microfilm Reel NL26603

Printer-Friendly Page

Silat turut selami arus sains Jurulatih gigih masuk kelas demi asah lagi ilmu 'kebatinan' sukan

Oleh **Mohd Sani Ali**

SEJAK sekian lama pencak silat, yang lebih dikenali sebagai seni pertahanan diri rumpun Melayu, sering dikaitkan dengan ilmu kebatinan.

Ini turut diakui oleh pengarah teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob, yang mula berjinak-jinak dengan sukan itu pada awal 1980-an.

Kini berusia 38 tahun, Sheik Alauddin telah menyaksikan silat 'menyerantau' dan berkembang sejauh Russia dan Uzbekistan, selain mendapat tempat di hati warga Switzerland, Perancis, Belgium dan United Kingdom.

Malah, silat sudah bertapak di serata Asia Timur, lebih-lebih lagi di rantau Asia Tenggara terutama di Vietnam — negara yang diakui kuasa baru sukan pencak silat antarabangsa.

Hakikatnya, silat bukan lagi sekadar seni bela diri atau seni untuk dijadikan acara tontonan semata dalam majlis-majlis keramaian.

Sebaliknya, sukan tradisional Melayu ini sudah menjadi wadah bagi acara pertandingan antarabangsa.

Justeru, bagi memperluaskan para jurulatih agar tidak ketinggalan di pentas antarabangsa, mereka perlu meningkatkan pengetahuan dalam sains sukan.

Bidang ini bukan sahaja merangkumi soal membina kekuatan fizikal, malah menyentuh aspek psikologi dan mental atlit yang kadangkala menjadi peng-

hambat setiap kali beraksi di pentas antarabangsa.

"Bayangkan satu ketika dulu apabila kami mendapat tahu akan berdepan pesilat Indonesia, semangat juang pesilat sudah pun lemah walau belum masuk dalam gelanggang lagi," ulas Sheikh Alauddin.

"Sejak akhir-akhir ini pula, apabila para peserta diundi menentang pesilat dari Vietnam, keadaan yang sama pula berlaku," sambungnya.

Daripada itu, sama ada ia mengaitkan soal kebatinan atau mental serta psikologi pesilat, dari sudut sainsukan, usaha-usaha harus dilakukan bagi mengatasinya.

Namun, seperti kata Sheik Alauddin, alam kebatinan itu tidak pernah tersisih daripada

sukan persilatan, cuma aspeknya berbeza.

“Kita perlu melihat sudut mana kebatinan itu dikaitkan dengan silat atau sukan pada umumnya,” jelas Sheik Alauddin.

“Saya kira semua peserta, baik dari Timur mahupun dari Barat, mempunyai ciri-ciri yang sama. Mereka turut meminta kepada yang Esa, kepada apa yang mereka percaya, sebelum mereka turun ke pentas pertandingan,” tambah Sheik Alauddin.

Oleh itu, para pesilat Singapura juga turut ditekankan agar jangan leka daripada membuat persiapan yang sama.

“Saya sering menekankan kepada setiap pesilat usah tunggu saat-saat akhir pertandingan baru hendak mendirikan sembahyang,” tegasnya.

Sheik Alauddin bersama tiga lagi anggota jurulatihnya yang terdiri daripada Mohd Hidayat Hosni, Asnadi Robani dan Rafeah Rashid merupakan kumpulan pertama jurulatih silat mendapat biasiswa dan dermasiswa

yang disediakan oleh Majlis Sukan Singapura (SSC).

Bantuan SSC ini meringankan biaya kursus yang sedang diambil oleh keempat-keempat jurulatih berkenaan yang mencecah hingga lima angka.

Oleh yang demikian, untuk meningkatkan persiapan para jurulatih bagi menghadapi persaingan yang lebih getir, mereka turut didorong menuntut pelbagai ilmu yang kini disampaikan dalam kelas dan dalam bahasa Inggeris — bukan lagi di tempat ‘pertapaan’.

“Kita perlu melihat sudut mana

kebatinan itu dikaitkan dengan silat

atau sukan pada umumnya... Saya kira

semua peserta, baik dari Timur

mahupun dari Barat, mempunyai

ciri-ciri yang sama.”

— Sheik Alauddin Yacoob, pengarah teknikal Persisi.



SAMA-SAMA MENUNTUT ILMU (Dari kiri) Pengarah teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Aliuddin Yacob, bersama anggota jurulatihnya — Rafeah Rashid, Mohd Hidayat Hosi dan Anadi Robani — sibuk mendalami ilmu dalam bidang sains sukan.

Foto Tukiman Warji